

Jika rakyat tidak menghormati
semangat bertolak an&r: PM

Masa habis bersengketa

BH - 9 DEC 1987

Oleh NAZAR ABDUL

KUALA LUMPUR, Selasa —
Datuk Seri **Dr. Mahathir Moha-**
mad menegaskan semangat
muafakat antara kaum **amat**
penting bagi mencapai **mat-**
lamat perpaduan nasional
dan pembangunan **bangsa**
yang merdeka.

Perdana Menteri berkata da-
lam soal muafakat seperti
yang ditunjukkan menjelang
kemerdekaan negara, se-
mangat tolak-ansur dan hor-
mat menghormati menjadi
faktor yang memastikan pen-
capaian matlamat itu.

berucap merasmikan Khemah
Kerja Kejiranan anjuran Jabatan
Perpaduan Negara di Hutan Lipur
Kancing, Gombak dekat sini, be-
liau berkata adat resam, pantang
larang, agama dan institusi beraja
rakyat negara ini seperti termak-
tub dalam Perlembagaan Negara
perlu dihormati.

Selain itu, penghayatan latar belakang sejarah negara sejak zaman dulu dan penyesuaian diri serta cara hidup kepada suasana dan masyarakat yang wujud di negara ini juga perlu bagi membolehkan pembangunan bangsa Malaysia bergerak dan berkembang, tegasnya

Beliau berkata penguasaan dan penggunaan bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara tanpa menyekat penggunaan bahasa-bahasa lain turut menjadi landasan mencapai matlamat itu.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan rakyat Malaysia tidak dapat menafikan hakikat bahawa rakyat negara ini pelbagai kaum dan perpaduan antara kaum amat penting.

"Jika kaum-kaum di negara ini tidak bersefahaman dan berhubung rapat, masa kita akan dihabiskan dengan bersengketa sesama sendiri manakala dunia luar berkembang maju dan mara jauh ke hadapan," tegasnya.

Beliau menyarankan semua kaum menyusun langkah untuk menyatukan segala kekuatan yang ada pada setiap kaum bagi meningkatkan lagi kejayaan rakyat.

Menurut Perdana Menteri, semua kaum bukan saja perlu berdamping rapat dan berkawan tetapi mengetahui adat resam dan pantang larang masing-masing serta mengelak daripada membuat atau memperkatakan sesuatu yang boleh menyinggung perasaan mereka.

"Semua kaum bukan sahaja mempunyai kekuatan tetapi juga kelemahan dan mereka perlu menolong satu sama lain bagi mengatasi kelemahan itu," katanya.

Beliau berkata di bidang perniagaan dan perusahaan, perkongsian hendaklah dibuat dengan semua pihak untuk bersama-sama menanggung beban kerja serta mengadakan kerjasama secara ikhlas untuk mempercepatkan persefahaman antara kaum.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata usaha memupuk perpaduan nasional adalah tanggungjawab bersama dan sektor swasta juga perlu memberi sumbangan bagi menjayakan kegiatan menggalakkan perpaduan rakyat.

Beliau juga berkata perpaduan nasional mencakupi pelbagai aspek integrasi termasuk integrasi kawasan, wilayah, sosial, budaya, bahasa dan ekonomi.

Datuk Seri Dr Mahathir mahu usaha memupuk perpaduan dijalankan di kalangan kanak-kanak supaya mereka terus hidup tanpa prejudis kaum.

Khemab kerja lima hari itu yang bermula semalam disertai oleh 200 belia pelbagai kaum.